

## PEMIKIRAN ISLAH YUSOF RAWA DALAM MAJALAH AL-ISLAH

Hamidah Jalani<sup>a\*</sup>, Nor Adina Abdul Kadir<sup>b</sup>, Nang Naemah Nik Dahalan<sup>c</sup>

<sup>a,b,c</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka

<sup>a</sup>hamidahjalani@uitm.edu.my

<sup>b</sup>noradina@uitm.edu.my

<sup>c</sup>nangnaemah@uitm.edu.my

\*Corresponding Author

### Article info

Received:  
12/03/2021  
Received in revised form:  
27/09/2021  
Accepted:  
29/09/2021  
Available online:  
12/10/2021

Keywords:  
Yusof Rawa,  
pemikiran Islah,  
penulisan al-Islah,

### Abstrak

*Yusof Rawa (1922-2000M) suatu nama yang tidak asing lagi dalam dunia politik. Penglibatannya dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sebagai Yang Dipertua Agung PAS yang kelima membuktikan semangat juangnya kepada pentadbiran negara. Banyak kajian dilakukan mengenai penglibatannya dalam politik namun penglibatannya dalam Islah masih tidak mendalam terutama melibatkan Majalah al-Islah (1970-1973). Penerbitan majalah ini merupakan adaptasi dari kemunculan al-Imam (1906-1908) yang menjadi titik permulaan dalam menegur masyarakat melalui medium penulisan. Antara objektif kajian penulisan beliau dalam Majalah al-Islah yang dilihat banyak memberi nasihat dan teguran berbentuk idea pembaharuan. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan metod pengumpulan data secara deskriptif dengan menganalisis, menghurai dan kajian teks terhadap majalah tersebut. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kajian perpustakaan untuk mengkaji maklumat-maklumat yang diperlukan dalam majalah tersebut. Hasil kajian menunjukkan penglibatan beliau dalam karya penulisan berbentuk Islah dalam majalah tersebut sememangnya tidak boleh dinafikan. Diharap dengan hasil penulisan ini dapat mengetengahkan idea pemikiran Islah Yusof Rawa dalam menegur masyarakatnya agar sentiasa terkehadapan dan seiring dengan arus pembangunan negara.*

Kata kunci: Yusof Rawa, pemikiran Islah, penulisan al-Islah

## YUSOF RAWA THOUGHTS OF ISLAH IN *MAJALAH AL-ISLAH*

---

### Abstract

*Yusof Rawa (1922-2000M) is a name that is no stranger to the political world. His involvement in Parti Islam Se-Malaysia (PAS) as the fifth Yang Dipertua Agung of PAS proves his fighting spirit for the administration of the country. Many studies have been done on his political journey has done, but his struggle in the context of reform is still limited mainly involved al-Islah magazine (1970-1973). The publication of this magazine is an adaptation of the emergence of al-Imam (1906-1908) which became the starting point in reprimanding the community through the medium of writing. Among the objectives of the study is to introduce who Yusof Rawa is and to highlight his writings in al-Islah which is seen to give a lot of advice and reprimands in the form of Islah. Based on this study, the researcher used a descriptive data collection method by analysing, parsing and studying the text of the magazine. In addition, researchers also use library research to study the information needed in the magazine. The results of the study show that his involvement in the work of writing in the form of Islah in al-Islah is undeniable. It is hoped that the results of this writing can highlight the idea of Yusof Rawa's reform thinking in reprimanding his community to always be ahead and in line with the current development of the country.*

Keywords: *Yusof Rawa, Thought of Islah, al-Islah writing*

### PENDAHULUAN

Perkataan Islah membawa maksud mengembalikan kepada sesuatu dalam bentuk yang asal (Al-Ma'luf, 1992). Ia juga difahami sebagai suatu usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai (Kamus Dewan, 2007). Perkataan Islah juga boleh difahami sebagai reformasi. Perkataan ini berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *to reform* yang bermaksud membentuk lagi, menyusun kembali, memperbaiki, memperbaharui dan mengubah. Manakala perkataan *reformation* pula bererti pembaharuan, perbaikan hidup, penghapusan tindakan-tindakan buruk dan pembentukan baru (Yatim, 2001). Menurut Kamus Dewan (2007), reformasi adalah perubahan atau pembaharuan yang mengarah kepada keadaan yang lebih baik, misalnya dalam sistem sosial, politik dan kebudayaan. Dalam pengertian yang lebih mudah, reformasi bererti sesuatu jenis perubahan di mana pembentukan semula dilakukan kepada sesuatu bentuk yang mengubahnya menjadi suatu bentuk atau corak yang lain. Kegiatan yang dilaksanakan juga adalah bertujuan untuk mencapai matlamat jangka panjang, sementara matlamat tersebut pula adalah bersifat menyeluruh (Noordin, 1991). Dalam *Dictionary of Education* (1977), reformasi dihuraikan sebagai sebarang cadangan perubahan ke arah perbaikan dalam teori dan amalan. Selain itu, di dalam konteks Islam istilah reformasi juga dikenali sebagai Islah atau perbaikan (Yatim, 2001). Apabila digabungkan kata reformasi dan Islam, ia bukan bertujuan mengubahsuai Islam, namun ia hanyalah sebuah gerakan yang ditubuhkan untuk memberi panduan yang sebenar dengan menekankan kepada aspek teologi dalam kesatuan ummah (Ahmad, 2006).

Menurut Mukmin (2009), gerakan pembaharuan pemikiran atau *al-Islah al-Diniy* itu merujuk kepada pembaharuan cara berfikir dan cara hidup Islam. Gerakan-gerakan ini adalah bertujuan untuk mengembalikan kefahaman umat Islam kepada al-Quran, al-Sunnah dan kemampuan dalam berijtihad. Pendekatan-pendekatan ini dikemukakan bagi menyelesaikan perbalahan antara mazhab dan menghapuskan apa sahaja bentuk bidaah, khurafat serta ajaran sesat yang wujud dalam masyarakat Islam pada ketika itu. Di samping itu, kebangkitan semula Islam juga bertujuan menegakkan semula nilai dan amalan Islam, institusi Islam serta undang-undang Islam dalam kehidupan masyarakat. Kejayaan sesuatu pergerakan Islam itu bergantung kepada keprihatinan dan sensitivitinya dalam mencari, mewujudkan dan mencipta kesepadanan antara persekitaran dalaman dan luarannya (Sungib, 2010).

Maka berdasarkan pengertian yang dihuraikan, dapatlah dirumuskan perkataan Islah atau pembaharuan merupakan suatu aktiviti yang mengarah ke arah memperbaiki sesuatu keadaan yang telah rosak atau menyimpang dari jalan yang sebenar. Jika diteliti kepada sejarah di Malaysia pada tahun 1970-an,

masyarakat Islam berada dalam kemunduran dari arus pembangunan negara. Kemunduran yang dimaksudkan dari pelbagai sudut pandangan seperti kemunduran dalam penghayatan nilai keagamaan, arus kemodenan yang disalahertikan, pendidikan yang bersifat kebaratan, kemiskinan dan pelbagai isu lagi yang akan dibahas berpandukan penerbitan *al-Islah*.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Latar perkembangan kefahaman masyarakat Melayu tentang agama Islam didominasi oleh budaya hidup beragama yang telah diwarisi sekian lama dari nenek moyang mereka. Masyarakat Melayu dalam tahun 70-an malah sehingga kini masih sebatu dengan kepercayaan terhadap cerita-cerita tahyul, misteri, kisah-kisah jin dan pelbagai jenis hantu yang merosak dan membekukan pemikiran mereka. Penyakit ini semakin bersarang dan sebatu dalam masyarakat Melayu sehingga ada yang percaya ilmu-ilmu ini mempunyai kuasa-kuasa tersendiri (Othman, 1991). Kesan penjajahan Barat terutama British amat besar mempengaruhi corak pemikiran masyarakat Melayu. Walaupun krisis Kristianisasi tidak berjaya ke atas orang Melayu dalam era penjajahan dahulu, yang mana ia sedikit sebanyak telah melambatkan proses penyuburan intelektualisme dan rasionalisme Islam serta melewatkan proses pengislaman sepenuhnya (Yatim, 2001).

Dalam membicarakan mengenai isu agama sebagai faktor keterencatan perkembangan orang Melayu, Munawwir (1985) telah menggariskan beberapa gejala yang membawa kepada kemunduran masyarakat Islam. Pertama, kemunduran itu terjadi akibat daripada sikap umat Islam yang terlalu konservatif atau dengan kata lain merasa cukup dan selesa dengan apa yang mereka nikmati kini. Mereka bersikap pasif atau malas untuk bertindak secara rasional dalam menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi. Mereka lebih cenderung untuk mempertahankan peraturan-peraturan yang sedia ada walaupun berdasarkan kepada susunan dan corak fikir yang sudah tidak sesuai lagi dengan zaman moden dengan alasan deduksi pengalaman masyarakat Islam harus berpijak di atas tradisi yang berusia hampir 1400 tahun yang lalu. Kedua, kecenderungan golongan cendekiawan Melayu yang buta atau anti agama. Golongan ini banyak memperolehi pengetahuan bercorak kebaratan dan tidak memahami sama sekali tentang falsafah dan tasawwur Islam. Ketiga, peniruan yang melampau kepada segala pola kehidupan Barat. Kecemerlangan teknologi moden yang dipelopori oleh Barat telah menimbulkan minat untuk mengikut prinsip hidup dan sistem sosial ala Barat, yang akibatnya membawa pengaruh dalam hidup dan kehidupan yang cukup luas di kalangan masyarakat Islam. Maka akibatnya berlaku kehancuran moral dan nilai bangsa serta penentangan terhadap segala batas dan ikatan, baik akhlak mahupun agama. Keempat, timbulnya perpecahan di kalangan umat Islam yang ketara seolah-olah akal waras mereka telah hilang. Perbezaan kaum dan etnik telah membentuk suatu jurang yang besar di dalam kehidupan umat Islam. Kelemahan ini telah digunakan sepenuhnya oleh kolonial Barat untuk memperkotak-katikan umat Islam berdasarkan suku, keturunan, kedudukan dan kekayaan sehingga ikatan agama menjadi retak dan lebur.

Bakar (1987), di dalam bukunya *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa* telah menggariskan tujuh ciri kebangkitan semula Islam. Pertama, peningkatan kesedaran tentang keagungan masa lepas yang diwujudkan oleh perkembangan ilmu pengetahuan atau pemahaman baru tentang zaman tersebut. Kedua, perubahan sikap atau orientasi terhadap Islam sebagai agama, sehingga membawa kepada perluasan fahaman tentang Islam sebagai satu cara hidup dengan pandangan dunia dan visinya yang tersendiri. Ketiga, penambahan amalan dalam kehidupan beragama, sama ada peringkat peribadi atau sosial yang membawa kepada pemupukan syariat dan syiar Islam. Keempat, pembalikan perjalanan kehidupan dan semasa yang menyimpang dari landasan agama supaya sejajar dengan tuntutan keislaman. Kelima, penggilapan dan pemurnian fikiran dan perlakuan Islam yang sedia ada dan yang sedang berkembang agar ia memenuhi kehendak idealnya. Keenam, pembongkaran khazanah Islam, terutama sekali warisan ilmunya bagi memperoleh bahan dan garis panduan dalam memenuhi persoalan dan cabaran masa kini. Ketujuh, pendalaman keyakinan atau komitmen terhadap potensi Islam sebagai penyelesaian dan penawar kepada segala penyakit individu dan masyarakat.

Manakala Fadzil, (2010) telah memberikan beberapa ciri penting untuk dikenali sebagai seorang tokoh Islah. Menurutnya seseorang tokoh Islah mestilah bercita-cita untuk mengembalikan kehidupan umat Islam kepada kehidupan berlandaskan Islam yang sebenar, di samping cuba untuk menemukan jati diri keislaman sebagai ekpresi kepada pegangannya. Apa yang lebih penting adalah cuba untuk menumbuhkan idealisme-idealisme perjuangan dalam usaha mencapai cita-cita Islamiah. Nor & Ghani (2007) berpendapat, melalui gerakan Islah ini terdapat tiga sumbangan besar yang dapat dilihat dan dikaji oleh sarjana sehingga ia disimpulkan sebagai bermulanya gerakan nasionalis atau kemerdekaan di kalangan orang Melayu. Sumbangan-sumbangan tersebut ialah penubuhan madrasah iaitu sistem pendidikan Islam yang tersusun menggantikan pendidikan pondok, penerbitan majalah-majalah dan penubuhan kelab-kelab Islam di seluruh tanah air. Bertitik-tolak daripada elemen inilah, maka kesedaran umat Islam untuk merdeka mula bangkit secara menyeluruh dan menjadi padu menjelang Perang Dunia Kedua. Melalui garis panduan yang diberikan oleh Mukmin (2009), Bakar dan Fadhil (2010) ini, maka pengkaji mengandaikan garis panduan ini boleh digunakan untuk memberi penilaian tentang pelaku (tokoh) kepada pengerak ke arah kebangkitan semula Islam ini. Tokoh yang dimaksudkan ialah Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi yang juga merupakan pengasas penerbitan *Majalah al-Islah*.

## LATAR BELAKANG TUAN HAJI YUSOF BIN RAWA

Nama sebenarnya ialah Yusof Bin Haji Abdullah al-Rawi. Dilahirkan di Lebuh Aceh, Pulau Pinang pada 8 Mei 1922M. Berketurunan Rawa dari Kampung Rawa, Sumatera Barat. Bapanya bernama Haji Abdullah Bin Haji Noordin al-Rawa dan ibunya bernama Hajah Asmah binti Haji Salleh (Farish A Noor, 1999). Bapanya merupakan seorang ahli perniagaan dalam bidang percetakan dan penerbitan United Press dan Maktabah Haji Abdullah bin Mohd Nordin al-Rawi. Latar belakang bapanya yang berkecimpung dalam dunia penerbitan telah mempengaruhi keperibadian Yusof Rawa untuk turut menceburi bidang penerbitan dan penulisan. Oleh kerana minatnya dalam bidang perniagaan juga, beliau juga dikaitkan sebagai pengasas kepada Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang (Nasir, 2006 dan Rawa, 2021).

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Hutan Mayat di Jalan Carnavon sehingga darjah empat. Kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Charausta di Transfer Road (Sungib (t.t.)). Pendidikan menengah bermula di *Inggeris Government English School*. Ketika dibangku sekolah lagi, Yusof Rawa menunjukkan minat yang cukup tinggi dalam pelajaran dan beliau adalah seorang kanak-kanak yang aktif bersukan khususnya sukan bola sepak yang menjadi kegemarannya (Rawa, 2001). Kecemerlangannya dalam menguasai bahasa Inggeris menyebabkan beliau ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke *Penang Free School* sebuah sekolah elit yang terkenal pada ketika itu. Dan akhirnya berjaya memperolehi *Junior Cambridge*. Kejayaannya itu menjadi kebanggaan kerana pada ketika itu tidak ramai anak Melayu yang mampu sampai ke tahap itu. Beliau menanamkan cita-cita untuk menjadi peguam dan pegawai tinggi kerajaan seperti yang dilakukan oleh pelajar-pelajar terdahulu yang berpendidikan Inggeris.

Bagi menyeimbangi pembelajaran antara sekular dan agama, beliau telah dihantar ke Mekah untuk menyambung pengajian ilmu agama dan bahasa Arab. Di Mekah, beliau menerima pendidikan di *Ma'ahad al-Falah* menerusi bidang Usuluddin dan berjaya memperolehi *Diploma Takhassus al-Dini*. Guru-gurunya terdiri daripada syeikh-syeikh alim dari Nusantara dan tempatan. Pendedahan awal kepada mazhab Syafie dan kemudian mazhab feqah dari aliran Wahabi dan Maliki membuatkan beliau mengenali lebih luas mengenai aliran-aliran pemikiran mazhab ini (Rawa, 2001). Keadaan ini berlaku kerana ketaksuban yang melampau kepada mazhab feqah sehingga menyebabkan masyarakat hidup dalam kelompok mazhab yang diikutinya. Sungguhpun begitu, kajian-kajian berkaitan akidah ahli *Sunnah wal Jamaah* yang menjadi teras pengajiannya di Mekah telah membentuk kefahaman akidah beliau kepada permasalahan umat pada zamannya. Tambah Rawa (2001), perkembangan pemikiran dunia Islam ketika itu yang dipelopori tokoh-tokoh Islam seperti Jamaluddin al-Afghani (1838-1897M), Syeikh Muhammad Abduh (1849-1905M), Hasan al-Banna (1906-1949M), Syed Qutub (1906-1966M) dan tokoh-tokoh al-Ikhwan Muslimin menjadi ikutan beliau. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi Yusof Rawa dari segi fikrahnya terhadap Feqah Ibadat dan Feqah Siasah.

---

## Penglibatan Dalam Bidang Politik

Penglibatan Yusof Rawa dalam bidang politik PAS bermula pada tahun 1959 apabila beliau menjawat jawatan Pesuruhjaya PAS Negeri Pulau Pinang menggantikan saudara Ahmad Azam. Beliau kemudiannya menduduki Jawantankuasa Agung PAS selama 18 tahun. Dalam Pilihanraya Umum tahun 1969, beliau telah bertanding di Parlimen Kota Setar Selatan menentang Dr. Mahathir Mohamad dan menang dengan majoriti 989 undi. Beliau memperolehi sebanyak 13 021 undi manakala Dr. Mahathir hanya memperolehi 12 032 undi. Kejayaan tersebut merupakan kejayaan terbesar beliau dalam sejarah penyertaannya dalam pilihanraya sehingga mendapat jolokan sebagai *gaint-killer*.

Di Muktamar PAS ke-27 pada tahun 1981 menyaksikan Yusof Rawa dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS menentang penyandangannya Dato Abu Bakar Umar. Ketika itu PAS sedang terumbang-ambing dilanda krisis selepas kegagalan dalam percubaan untuk bergabung dengan UMNO dalam Barisan Nasional pada tahun 1977. Akibat dari krisis yang memuncak, akhirnya Yang Dipertua Agung PAS, Dato Haji Mohd Asri bin Muda meletakkan jawatan pada bulan Oktober 1982. Sejak itu, Yusof Rawa diamanahkan memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS. Pada tahun yang berikutnya, dalam muktamar PAS ke-29 yang berlangsung di Kuala Lumpur, beliau telah disahkan sebagai Yang Dipertua Agung PAS yang kelima.

Menurut Dato Haji Fadzil Mohammad Noor, Presiden PAS, *Ketokohnya telah diiktiraf oleh kawan dan lawan politiknya*. Beliau seorang ahli politik yang sangat versatil, luas pergaulan dan dikenali ketokohnya di dalam dan luar negara, sementara bacaan politik dan strateginya tepat (Noor, 2001). Perkara ini turut diakui oleh Yusof (2004):

*“Allahyarham Haji Yusof Rawa adalah seorang ulama dan aktivis politik yang disegani serta mempunyai pengalaman luas sebagai ahli diplomatik negara khasnya ketika menjadi Duta Besar ke Iran. Beliau melihat sejarah perkembangan dakwah di Malaysia ini secara jujur”*.

M.G. Pillai (2000) dalam satu artikelnya *Haji Yusof Rawa (1921-2000) A Political Assessment* mengakui perjuangan Yusof Rawa dalam parti PAS. Walaupun tidak lagi menyandang sebagai ketua, namun semangat juang yang ditunjukkan memberi semangat dan inspirasi kepada generasi akan datang.

*“Haji Yusof Rawa”'s role in all this, although he had left the PAS presidency 12 years ago, is crucial. He was the father figure the PAS Islamicists had, but his role went beyond that of a figurehead. PAS leaders told me, when I asked them about his leadership years ago for an article I was writing then, that he provided the solidity that enabled the party to develop into what it is today. His background would have prepared him for that...”* (Pillai, 2000).

Beliau memegang jawatan ini sehingga pada 31 Mac 1989 apabila beliau mengalami keuzuran. Beliau melepaskan jawatannya pada muktamar yang ke-35. Ketika bersara inilah, beliau telah dianugerahkan sebagai Jaksa Pendamai dan Tokoh Maal Hijrah peringkat negeri Pulau Pinang. Pada tahun 1996, telah menubuhkan sebuah yayasan *Warathat Haji Yusof Rawa* (Nasir, 2006).

## Karya Penulisan dan Penerbitan

Penglibatan Yusof Rawa dalam bidang penulisan dan penerbitan dapat dilihat melalui-penghasilan beberapa buah karya yang bermutu. Memiliki syarikat Percetakan al-Rawa (1946) sendiri turut menjadi pendorong kepada penghasilan karya-karya yang bermutu. Sikap prihatin beliau terhadap masalah masyarakat menjadi pencetus kepada penulisannya yang bersifat kritikal. Antara tulisan beliau yang kritis seperti *Warta Jenaka* (1936M), *Warta Malaya* (1931-1941M) dan *Warta Ahad* (1937M) yang ditulis ketika masih berada di Mekah (Abdullah, 2009 dan Nasir & Razzaq, 2020).

Selain mengarang buku, Yusof Rawa turut menerbitkan majalah dwi-mingguan *Majalah al-Islah* (1970). Penerbitan majalah ini turut diusahakan bersama sahabatnya Ustaz Talib Azmi dari Kulim dan Pak Abu dari Kampung Baru, Selangor. Ruangan Fikrah Islam telah dikhaskan untuk terjemahan dari buku *Maalim Fi Tariq* dan *Fi Zilalil Quran* karangan pemikir Islam unggul al-Syahid Syed Qutub (Rawa, 2001). Majalah tersebut telah diedarkan ke seluruh Malaysia, Brunei dan Indonesia. Beliau

sendiri menulis di ruangan Tafsir al-Quran. Selain itu, beliau turut menyebarkan dakwah dengan mengarang risalah perjuangan gerakan Islam seperti Ikhwan al-Muslimun dan Jamaat Islamidan diedarkan kepada masyarakat non-Muslim di Pulau Pinang (Abdullah, 2009). Manakala buku-buku pelajaran pula, seperti buku Geografi dalam Bahasa Arab, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Mandarin turut diterbitkan untuk sekolah-sekolah agama di Tanah Melayu. Turut tidak ketinggalan menceburi bidang pengajian tafsir dengan menghasilkan sebuah kitab tafsir yang dinamakan *Tafsir al-Rawi Juzu' Amma* (Abdullah, 2009).

Di samping itu, beliau turut menerbitkan 14 buah buku dan telah dipasarkan di Jakarta. Perpustakaan Haji Abdullah bin Muhammad Nordin ar-Rawi salah sebuah penerbit dan toko buku di Pulau Pinang hasil peninggalan ayahnya telah mempamerkan 14 buah buku penerbitannya dan juga hasil-hasil karya penulis-penulis Islam yang lain. Pameran buku Melayu itu diadakan dengan anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, penerbit-penerbit Malaysia dan kedutaan besar Malaysia di Republik Indonesia (*al-Islah*, 1970).

## FAKTOR PENGLIBATAN

Perkembangan pemikiran yang berlaku di Timur Tengah telah banyak mempengaruhi pelajar-pelajar yang belajar di luar negara terutama lulusan al-Azhar (Jais, 2006 & Awang, 2006). Pemikiran tokoh-tokoh Islam seperti Jamaluddin al-Afghani (1839-1897M), Muhammad Abduh (1849-1905M), Hasan al-Banna (1906-1949M), Syed Qutub (1906-1966M), Sheikh Tahir Jalaluddin (1861-1957M), Syed Sheikh Ahmad al-Hadi (1867-1934M) dan Haji Abbas Mohd Taha (1885-1946M) mempengaruhi pemikiran pelajar. Keadaan ini turut mempengaruhi pemikiran Yusof Rawa dalam bidang Feqah Ibadat dan Feqah Siasah. Ketika di Timur Tengah, beliau telah melibatkan diri dalam aktiviti pergerakan pelajar. Beliau menganggotai Persatuan Pelajar Melayu Mekah dan pernah menjadi Setiausaha Agung Lembaga Tanah Melayu dalam usaha membantah penubuhan Malayan Union dari luar negara bagi menuntut kemerdekaan negara.

Di samping itu, melihat kepada kejayaan *al-Imam* (1906-1908M), *Neracha* (1911-1915M), *al-Ikhwan* (1926-1931M), *Saudara* (1928-1934M) dan *Pengasuh* (1918M) dalam menimbulkan kesedaran masyarakatnya memberi inspirasi kepada Yusof Rawa untuk menerbitkan *al-Islah*. Beliau merasakan bahawa masyarakat Melayu sebenarnya memerlukan alat sebaran am sebagai media penyampai dan lidah rasmi kepada perubahan. Hal ini kerana pada tahun 1900-an, majalah-majalah ini mula menunjukkan taring menggesa pelbagai pihak dalam memperbaiki permasalahan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu juga telah mula menunjukkan sikap yang positif terhadap gagasan ini (Hamid & Jalani, 2011). Walaupun penerbitan akhbar dan majalah ini dilihat berjaya menjentik minda masyarakat Melayu, namun sekitar pertengahan dekad 60-an keadaan masyarakat Melayu masih lagi mengalami nasib yang serupa seperti yang dibincangkan oleh *al-Imam*. Keadaan ini berlarutan sehingga ke kemuncaknya dan ramai yang menyedari keadaan ini. Pelbagai cara dan kaedah diambil bagi menghidupkan semula semangat Islah dalam usaha mengajak manusia ke arah kebaikan dan memperbaiki segala penyelewengan yang menghantui masyarakat Melayu khususnya di Malaysia.

Atas usaha itu, Yusof Rawa berpendapat bahawa masyarakat memerlukan kepada pimpinan. "*Pimpinan ini dikenali dengan nama Islam, satu pimpinan yang menyatakan bahawa di sebalik wujud yang nyata ini ada wujud Yang Maha Esa*" (Rawa, 1970) sebagai garis panduan setiap permasalahan. Melalui pimpinan ini, masyarakat Melayu akan terpandu dalam usaha mengikis kemundurannya dalam pelbagai aspek. Maka dengan ini beliau terpanggil untuk menerbitkan *Majalah al-Islah* (Feb 1970) sebagai kesinambungan kepada akhbar dan majalah yang diterbitkan sebelum ini.

## LATAR BELAKANG MAJALAH AL-ISLAH

Majalah ini diberi nama *al-Islah* bersesuaian dengan namanya yang bertujuan memberikan suatu pembaikan dan pembaharuan ke atas masyarakat Islam di samping "*mendokong cita-cita yang cukup besar, membawa tanggungjawab yang cukup berat, ingin berbakti dan berkhidmat kepada ugama, bangsa dan tanah air*" (Rawa, 1970). Majalah ini diterbitkan "*bertujuan menyeru dan berdakwah selain*

---

*menyeru umat berbuat baik dan melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan munkar”* (Rawa, 1970) dalam cita-cita mengabdikan diri di bidang dakwah Islamiah dalam bentuk tulisan. Ini kerana menurutnya setiap hati manusia itu *“selalu melupai tugasnya dan konsep perjuangan hidupnya di muka bumi ini, ialah sebagai hamba Allah yang mesti dihiasi lembaran sejarah hidupnya dengan amal ibadah semata-mata kerana Allah s.w.t.”* (Rawa, 1970).

*Al-Islah* ini digambarkan sebagai perjuangannya di tengah-tengah dunia persuratkhabaran Islam di tanah air yang bersifat umum dan bebas. Para penulis diberi kebebasan dalam melontarkan idea-idea Islamik sama ada dalam *“bentuk rencana, cerpen, sajak, drama dan sandiwara, namun apa yang penting haruslah kita tekankan segala tulisan itu haruslah bercorak keislaman”* (Rawa, 1970). Majalah ini diterbitkan pada tahun 1970, di mana pada tahun sebelumnya, dianggap sebagai tahun *“tanggung balik”* atau *“kacau bilau”* (Rawa, 1970). Pelbagai peristiwa telah berlaku seperti Masjid al-Aqsa dibakar oleh orang Yahudi, ekoran gerakan zionisme, kezaliman oleh Hindu terhadap kaum muslimin di bandar Ahmad Abad dan sebagainya. Di Malaysia, seperti Peristiwa 13 Mei 1969 telah mengganggu gugat kehidupan masyarakat Muslim sejagat. Pertelingkahan di antara orang Melayu dan kaum Cina memberi kesan yang mendalam terhadap perjuangan orang-orang Melayu.

Di samping itu, masalah ummah juga menjadi fokus di dalam penerbitan majalah ini apabila beliau membangkitkan mengenai permasalahan penyakit remaja yang melanda umat Islam pada hari ini. Beliau juga dikatakan sering melontarkan beberapa permasalahan yang patut difahami oleh umat Islam dalam merealisasikan konsep perpaduan ummah. Tulisan beliau seakan-akan sebuah tingkap untuk kita menjenguk ke satu daerah yang jarang benar ditinjau, sama ada dari jauh ataupun dekat. Di tambah pula, penerbitan *al-Islah* juga dilihat sebagai usaha untuk menyebarkan gagasan reformasi dan semangat nasionalisme Melayu Islam yang cuba diterapkan dan mengasak pemikiran masyarakat Melayu ketika itu.

*“Oleh kerana itu, kepada seluruh umat negeri ini, baik dari pihak pemerintah dan rakyat jelata, cubalah renungkan sekurang-kurangnya dan cubalah bertindak untuk mengubah keadaan yang telah dan sedang dideritai oleh umat negeri ini dengan secepat mungkin, mengikut kemampuan dan kekuasaan yang ada pada kita, sebelum tibanya saat kehancuran...”* (Rawa, 1970).

Kehangatan *al-Islah* mula dirasai oleh setiap masyarakat terutamanya generasi berpendidikan Islam. Tuan Haji Yusof Rawa sendiri pernah menyatakan bahawa *“umat Islam di Malaysia harus menjadikan tahun 1970 M/1390 H sebagai tahun memulakan gerakan dakwah yang lebih cergas, lebih dinamis daripada gerakan di dalam tahun-tahun yang sebelumnya dan terbitan ini adalah atas dasar dakwah bukannya atas dasar komersil...”* (Rawa, 1973).

Penerbitan *Majalah al-Islah* telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dalam kalangan masyarakat setempat malah begitu popular di kalangan para pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Timur Tengah terutamanya di Universiti al-Azhar, Mesir. Hal ini kerana, pengisian di dalamnya lebih bersifat segar mengikut arus zaman dan memuatkan dengan pelbagai makalah yang menyentuh pelbagai aspek agama seperti tafsir al-Quran, al-Hadith, tasawuf, sejarah Islam dan sebagainya. Di samping itu, majalah ini juga membuka ruang-ruang diskusi mengenai isu-isu dunia Islam semasa dan memaparkan kisah-kisah para tokoh Islam (Hamid, et al., 2009). Penerimaan *Majalah al-Islah* amatlah menggalakkan iaitu pada hari pertama pelancarannya bersempena sambutan Hari Raya Aidil Adha, sebanyak 3000 naskhah telah diedarkan di seluruh Malaysia termasuklah negara jiran seperti Brunei dan Medan (Rawa, 2001). Seterusnya bertambah lagi permintaannya sebanyak 5000 naskhah dan penerbitannya terhenti pada tahun 1973. Keluarannya telah digantung buat seketika atas dasar kepentingan politik pemerintah. Sebagai seorang pemimpin dalam parti pembangkang, kehadiran *al-Islah* dikhuatiri menjadi propaganda politik kepada PAS. Sehingga sekitar Ogos 1974 majalah ini diberhentikan penerbitan buat selama-lamanya (Jalani, 2013, Hamid, 2018 & Jalani, 2019).

Menurut Jalani (2013) & Jalani (2019) merumuskan pemberhentian penerbitan majalah ini kepada empat faktor utama, pertama dunia penerbitan pada ketika itu masih belum mencapai tahap kematangan sepenuhnya. kemunculan akhbar dan majalah masih pada tahap tengelam timbul yang tidak bersifat kekal. Kedua, Pada tahun 1974, Akta Percetakan Akhbar (1948) telah disemak semula yang memperuntukkan syarikat percetakan mempunyai lesen percetakan dari Kementerian Dalam Negeri (KDN). Didapati *al-Islah* pernah menghadapi masalah ketika proses memperbaharui lesennya pada tahun 1971. Tidak mustahil sekali lagi mereka menghadapi masalah yang sama. Ketiga, adanya sikap bias terhadap pengasas *al-Islah* yang mana pada ketika itu tampuk pemerintahan diterajui oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) bertentangan dengan parti lawan. Keempat, kesibukan beliau sendiri terlibat dalam dunia politik. Pada tahun 1973, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Perwakilan Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Beliau ditugaskan di New York, setahun kemudian, dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Kemuncak kepada pemberhentian *al-Islah*, pada tahun 1975 hingga 1979 beliau telah dilantik sebagai Duta Malaysia ke Iran, Aghanistan dan Turki yang memaksa beliau untuk menghentikan *al-Islah* buat selama-lamanya. Faktor sampingan seperti kekurangan modal dari pihak penerbit dan pembekal juga menjadi penyumbang keadaan ini.

### PEMIKIRAN ISLAH YUSOF RAWA DALAM AL-ISLAH

Pelbagai isu yang dibangkitkan oleh Tuan Haji Yusof Rawa dalam *Majalah al-Islah*. Antara permasalahan yang dibincangkan melibatkan masalah penghayatan nilai keimanan dalam diri setiap muslim, ilmu dan pendidikan, kemodenan dan kemajuan sains, pemikiran progresif, penghayatan nilai-nilai Islam dan kesopanan dan kesusilaan. Sepertimana dalam *al-Islah* menyatakan bahawa zaman kemunculan majalah ini merupakan suatu zaman yang amat ke arah penerapan sains dan teknologi dalam mengejar kemajuan pembangunan negara. Walaupun Islam tidak menlak kemajuan tersebut, namun *al-Islah* berpendapat tidak seharusnya umat Islam mengabaikan nilai-nilai moral dan akhlak yang baik bertujuan mendekati diri ummah kepada Allah SWT.

*“Dalam zaman yang penuh dengan krisis moral dan fikiran manusia begitu jelas melihat sains dan kemajuan-kemajuan teknologi, di samping membuat bermacam-macam hingga melupai soal-soal moral dan akhlak, maka lahirnya al-Islah untuk mengIslahkan masyarakat sekarang yang bagi setengah orang mengatakan sangat buruk”* (*al-Islah*, 1970).

Oleh yang demikian, terdapat beberapa isu yang dibincangkan dalam *al-Islah*. Antaranya permasalahan mentaliti masyarakat Melayu, penghayatan nilai keimanan, nilai ilmu dan pendidikan, kemodenan dan kemajuan sains, pemikiran progresif, penghayatan nilai-nilai Islam dan kesopanan dan kesusilaan.

#### Mentaliti Masyarakat Melayu

Terdapat sesetengah golongan yang sedang memenuhi zaman sains dan teknologi, zaman yang kononnya mengkehendaki segala sesuatu itu diperbaharui, dipermoden dan direvolusikan tanpa segan silu telah mencela dan mengkritik sekumpulan masyarakat yang masih teguh berpegang kepada prinsip lapuk “Secupak takkan jadi segantang” dalam konsep meraih kemajuan:

*“Secupak takkan jadi segantang”. Oleh sebab kita sangat-sangat berghairah di dalam pembangunan material/fizikal, maka kata-kata itu telah dipandang, diberi penilaian dari segi spiritualnya. Oleh sebab pepatah itulah- kononnya - maka kita terpengaruh menjadi malas, mundur dan ketinggalan...Padahal kata-kata itu sungguh berhikmah dari segi apa pun...bagaimana anda hendak tahu yang habuan anda secupak atau segantang, sekiranya anda duduk berpeluk tubuh tidak bergerak, berusaha mencarinya?. Tentulah mesti berusaha, bekerja, bertungkus lumus ke arah mendapatkannya...”* (Rawa, 1973).

Menurut pengkaji, sebagai manusia yang dianugerahkan akal fikiran dan kudrat seharusnya digunakan dengan sebaik-baiknya ke arah kebaikan. Islam bukanlah sebuah ajaran yang membawa masyarakatnya



jalan kemunduran seperti yang difahami oleh orang-orang Barat. Namun apabila mentaliti masyarakat dipengaruhi oleh kemajuan yang dikecapi oleh Barat, umat Islam mula menuding jari menyatakan kemunduran berpunca daripada mengikuti ajaran Islam. Dalam Islam, mereka melihat halangan-halangan itu dilihat sebagai lambang kerugian. Ramai mula merungut menyatakan “*itu tak boleh, itu haram, jangan ambil*” dan sebagainya yang dianggap akan menghalang kemajuan anak bangsa.

Contoh di dalam perniagaan, ramai di kalangan orang-orang Melayu menyatakan kemajuan yang dikecapi oleh orang-orang Cina di dalam bidang perniagaan adalah kerana mereka mengamalkan riba, menjual arak, tidak perlu membayar zakat dan sebagainya yang menjadikan mereka memiliki kekayaan yang mutlak. Namun ia bukanlah perkara yang benar kerana Islam tidak pernah membawa kemunduran kepada masyarakatnya. Islam perlu difahami dari konteks pengamalannya. Pengamalannya yang mencorakkan bagaimanakah pemahaman yang diperlukan untuk direvolusikan kepada masyarakatnya. Iktikad yang salah dalam memahami ajaran Islam yang sebenar telah memberikan imej yang buruk kepada Islam. Islam tidak melarang umatnya mengecapi kekayaan. Kita digalakkan untuk mencari kekayaan di mana sahaja kita berada selagi tidak melanggar batas-batas yang telah ditetapkan oleh Allah, kerana perlu diingat bahawa segala sesuatu itu datangnya dari Allah, hanyalah bersifat pinjaman. Maka di sini perlunya kepada peranan cerdik pandai termasuk ulama untuk membetulkan iktikad masyarakat agar tidak memandang serong kepada Islam. Dan jika kita malas untuk berusaha memang benarlah apa yang dikatakan oleh Barat, bahawa orang-orang Melayu tidak akan maju kerana di dalam pemikiran mereka telah sebatu dengan pepatah Melayu “*Secupak tidak akan jadi segantang*”.

### **Penghayatan Nilai Keimanan**

Kegagalan dalam menghayati tuntutan keimanan dalam program pembangunan adalah menjadi punca utama kepada kerapuhan iman. Aktiviti perjudian, gejala rasuah dan budaya samseng menjadi isu utama dalam penerbitan *al-Islah*. Keadaan ini menurut Yusof Rawa berpunca dari persekitaran kehidupan masyarakat itu sendiri yang cepat terpengaruh dengan budaya Barat. Dalam karyanya, beliau menggambarkan keadaan masyarakatnya lahir dari ... *‘celupan Barat’ yang mudah sekali mengganggu-anggukkan kepala, menari menurut rentak gendang yang dipalu oleh pakar-pakar ikhtisas Barat sehingga berkecamuklah pemikiran terhadap sesuatu pegangan tradisi dan merosotlah nilai mutu manusia itu sendiri* (Rawa, 1971). Tambahnya lagi ... *maka tidak hairanlah jika kita melihat pada masa ini betapa liarnya manusia daripada agama, munculnya pelbagai ragam golongan muda mudi yang kurang menyenangkan mata hari memandangnya, batas sosial akhlak sudah runtuh dan nilai kerohanian telah berkecai* (Rawa, 1971).

*“Pada hari-hari kebelakangan ini orang-orang pada keributan membicarakan revolusi mental. Pengubahan mentaliti tentunya, mentaliti orang kita sudah terlalu buruk kiranya, mesti direvolusikan”* (Rawa, 1971)

Dalam artikel ini juga, beliau menyatakan bahawa masyarakat Islam pada hari ini seharusnya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan menimbulkan keyakinan kepada Allah yang dipercayai mempunyai kuasa tertinggi dalam membebaskan manusia dan masyarakat dari segala bentuk keburukan dan kezaliman. Kerana menurutnya, keburukan, fasad dan kezaliman akan bermula apabila seseorang manusia itu menolak keimanan daripada Allah dalam erti kata sebenar. Oleh yang demikian, berdasarkan artikel bertajuk ‘Revolusi’ beliau cuba memberi kesedaran kepada masyarakatnya yang dikatakan hasil ‘celupan Barat’ kembali kepada penyerahan dan keimanan kepada Allah. Agama menjadi benteng pertahanan yang terutama dalam mencapai kehidupan yang diredhai oleh Allah.

Berdasarkan artikel tersebut, Yusof Rawa menegur masyarakatnya agar tidak teruja dengan perkembangan kemajuan yang dibawa oleh pihak Barat. Islam mengajar umatnya untuk menjadi umat yang pintar, maju dan berdaya saing, namun dalam masa yang sama sentiasa mengutamakan Islam sebagai pegangan akidahnya. Desawarsa ini pelbagai kes melibatkan permasalahan akidah. Ada yang beranggapan bahawa Islam hanya suatu agama anutan yang akan sentiasa mengongkong umatnya untuk maju terkehadapan. Tambahan, kedatangan aliran pemikiran Barat yang bersifat sekular akan membinasakan kepercayaan umat Islam itu sendiri kepada ajaran Islam.

---

## Nilai Ilmu dan Pendidikan

Falsafah pendidikan negara yang bertujuan melahirkan insan yang soleh berdasarkan kepada prinsip kepercayaan, keyakinan serta kepatuhan kepada Tuhan tidak akan dapat dicapai sekiranya dasar kerajaan masih menjadikan sistem pendidikan liberal sebagai panduan. Berdasarkan artikel bertajuk 'Kita dan Pendidikan-Pengajaran', beliau menegur mengenai sistem pendidikan yang ada di negara kita.

*"Pengajaran tidaklah cukup dengan hanya menumbuhkan angkatan-angkatan yang memahami matapelajaran-matapelajaran persekolahan sahaja, sama ada rendahnya mahupun tingginya, malahan seharusnya - menumbuhkan angkatan-angkatan yang - mempunyai kesanggupan, penuh bertanggungjawab dan betul-betul berguna dalam menghadapi dan mengharungi urusan penghidupan, sebagai anggota masyarakat, sebagai warganegara dan - yang akhir tetapi paling utama sekali - sebagai hamba Allah s.w.t. dalam erti sebagai hamba dalam ungkapan terakhir ini terlengkap segala yang terdahulu"* (Rawa, 1970).

Menurutnya dalam melaksanakan aktiviti pendidikan dan pengajaran rakyat, pelbagai kajian perlu dilakukan terhadap tabiat dan tingkahlaku manusia supaya pendidikan yang diberi tidak akan bertentangan malah bersesuaian dan 'saling menyambut' di antara guru dan pelajar. Malah pendidikan dan pengajaran juga seharusnya bukan sekadar menumbuhkan badan yang sihat dan akal yang sihat, bahkan kesihatan jiwa juga perlu diutamakan dalam erti mempunyai akhlak yang baik dalam menyeimbangi tuntutan tabiat dan sunnah alam. Oleh itu, dalam mencari penyelesaian permasalahan ini, beliau menyatakan guru perlu mengambil peranan dalam menjadi pendidik yang dipertanggungjawabkan. Seseorang guru itu hendaklah dipersiapkan dengan pengetahuan ilmu yang luas dan *"...haruslah terdiri daripada orang-orang yang terdidik selengkapnya tidak terkecuali jiwanya, terdidik dengan sifat-sifat dan pembawa-pembawanya yang diperlunya oleh prinsip-prinsip keguruannya, taat dan setia kepada negara.."* (Rawa, 1970). Di samping itu juga, guru-guru juga digesa agar tidak sekadar mengajar malah perlu menyelami permasalahan yang dialami oleh pelajar agar tidak timbul isu keciciran pelajar dalam memahami pembelajaran.

*"Maka si pengajar (guru) sebagaimana ia mesti tahu dan kenal betul-betul matapelajaran yang akan diajarnya, ia juga semestinya tahu dan kenal betul-betul akan murid-murid yang akan diajarnya. Kenal fizikalnya, kenal mentalnya dan kenal spiritualnya, kerana manusia ini - yang tidak cacat - biarpun sama-sama mempunyai anggota badan, sama-sama mempunyai akal fikiran dan sama-sama mempunyai jiwa raga, namun oleh nature dan suasana keliling yang mungkin berbeza-beza, akan mungkin pula berbeza-beza perkembangannya"* (Rawa, 1972). *"Itulah dia ringkasan gambaran tugas dan tanggungjawab guru (pendidik), sebab itu apa sahaja kemajuan maka guru adalah pemegang saham utamanya"* (Rawa, 1972).

Berdasarkan artikel, proses pembelajaran bermula di rumah dan diikuti oleh guru sebagai pendidik yang akan mendidik pelajar hingga dewasa. Guru memainkan peranan yang amat penting bukan sahaja mengajar untuk tujuan kerjaya, malah lebih dari itu perlu menjadi contoh tauladan yang baik dengan menerapkan nilai-nilai murni terhadap diri pelajar. Dalam artikel ini, beliau juga menyarankan agar pihak kerajaan perlu memberi latihan dan bimbingan kepada guru-guru sebelum mereka didedahkan dengan situasi semasa. Desawarsa ini dilihat banyak kes melibatkan masalah disiplin guru seperti pecah amanah, perbuatan tidak bermoral dan tidak menjalankan tanggungjawab dengan sepenuhnya. Begitu juga dengan pelajar, harus bersedia untuk menerima nasihat dan tunjuk ajar dari guru agar perkara ini 'saling menyambut' dan memberi kesan yang baik kepada sesi pembelajaran.

Selain pendidikan, aspek ilmu turut disentuh dalam *Majalah al-Islah*. Berdasarkan artikel "Ucapan Raja, Raja Ucapan!", Yusof Rawa menyokong penuh titah yang disampaikan oleh Sultan al-Malik Faisal Ibnu Abdul Aziz Saudi ketika lawatannya ke Malaysia. Antara titahnya kepada masyarakat Islam di Malaysia, baginda menyeru kepada umat Islam agar berusaha mendapatkan ilmu pengetahuan untuk kebahagiaan hidup di dunia di samping mengembangkan hasil-hasil negara dan memperbaiki kedudukan masyarakat. Yusof Rawa menyatakan, *"titah baginda sultan itu sungguh sesuai dan selaras dengan*

---

*sabda Nabi Muhammad SAW yang menjelaskan betapa pentingnya nilai ilmu pengetahuan kepada umat manusia menurut pandangan agama Islam” (Rawa, 1970).*

Dalam kenyataan yang lain juga, beliau menyokong kenyataan seorang raja Arab Saudi yang menyatakan kepentingan ilmu pengetahuan dalam pembangunan negara. Ilmu menjadi nadi dalam kehidupan kita sepertimana dalam surah al-Iqra Allah berfirman mengenai kepentingan menuntut ilmu pengetahuan. Sama ada ilmu fardu ain atau fardu kifayah perlu dipelajari kerana ilmu mampu mengangkat darjat manusia dan memperbaiki struktur kehidupan berorganisasi. Dalam pembentukan tamadun manusia, salah satu ciri-ciri masyarakat yang bertamadun adalah dengan mengadaptasikan ilmu dalam kehidupan seharian.

### **Kemodenan dan Kemajuan Sains**

Pemikiran masyarakat mengenai kemajuan yang dibawa dalam pembangunan negara telah disalahertikan. Dalam kalangan masyarakat Muslim sering tersalah tafsir menyatakan bahawa segala bentuk kemajuan dan kemodenan yang dibawa telah menyebabkan manusia jauh dengan tuhan. Pemahaman ini bertambah kritikal apabila dunia Barat sendiri mengesahkan bahawa dengan meninggalkan agama anutan menjadikan kehidupan penganutnya lebih maju terkehadapan tanpa kongkongan. Pemikiran konservatif juga yang melarang keras sebarang bentuk perubahan yang tidak pernah berlaku ketika di zaman Rasulullah SAW akan membawa kepada kekufuran dan bid'ah.

Oleh yang demikian, bagi memperbetulkan tanggapan masyarakat Islam terhadap perkembangan sains dan teknologi, beliau menegaskan dalam artikelnya “Kita Tidak Kesendirian” menyangkal pernyataan yang menyatakan kemajuan Barat pada hari ini adalah hasil tindakan meninggalkan agamanya (Kristian), manakala umat Islam mundur akibat meninggalkan agamanya sendiri (Islam).

*“Tiap-tiap sekalian telah sedar lagi insaf bahawa umat Islam di mana-mana pun mereka berada – sekiranya hendak maju, kuat lalu dihormati lagi disegani – mestilah kembali berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Itulah sahaja sebabnya umat Islam yang terdahulu mendaki kemuncak, maka apa yang telah mendorong mereka mendaki, itulah jua yang dapat menolak maju ke hadapan umat Islam sekarang ini...” (Rawa, 1973).*

Malah Islam amat menyokong penuh akan kemajuan yang dibawa bagi membina masyarakat yang berdaya saing dan produktif. Dalam artikel “Kita dan Sains”, Yusof Rawa menegaskan bahawa Islam tidak pernah menolak teori-teori yang dihasilkan oleh sains Barat, malah para pelajar Islam digalakkan mempelajari ilmu sains untuk dijadikan alat dalam memahami al-Quran dan mengenali Penciptanya. Namun yang demikian, pada hari ini terdapat kekeliruan dalam mengenal erti sains sehingga menyatakan Islam menolak sains dan kemajuan yang dibawa olehnya.

*“Kita tertarik berbicara mengenai sains, kerana meningkatkan umat kita, supaya jangan ada yang terlebih dalam golongan-golongan atau puak-puak prasangka bahawa Islam menghalangnya. Prasangka-prasangka itu adalah akibat dari kekeliruan dan usaha-usaha halus yang mahu membendung kemajuan kita malah sampai menghapuskan kita sebenarnya” (Rawa, 1970).*

Beliau berpendapat tidak salah sekiranya umat Islam searus dengan kemodenan yang mendatang. Umat Islam tidak seharusnya melawan arus kematangan dunia. Ini kerana “...kemodenan tidak akan menghilangkan teras Islam dan amalannya bahkan dapat dimanfaatkan dari segi teknologi dan penampilan gaya hidup yang lebih bersesuaian dengan arus ketika itu...” (Rawa, 2001). Beliau berpendapat sedemikian adalah bagi menjelaskan bahawa Islam tidak pernah menolak arus kemajuan yang ada malah mampu mengeluarkan mereka “...dari kepompong fahaman ortodoks kepada keterbukaan pemikiran...” (Rawa, 2001) dengan syarat mengekalkan teras prinsip sebagai seorang Muslim.

Untuk menjadi muslim yang progresif terhadap kemodenan sains di samping tidak terseleweng, beliau menyarankan agar “...dalam merebuti yang baiknya pula, seharusnya tetap waspada sebab di dalam kemajuan-kemajuannya itu ada pula sudut-sudut yang hitam...” (Rawa, 1972) dengan mengkaji, mempelajari, menyelidik dan memahami setiap kesan yang mendatang terhadap tindak balas yang

dilakukan. Setelah penelitian dilakukan barulah "...kita pantas menerimanya setelah mengkaji, mempelajari, menyelidiki dan memahami kebaikannya. Ini adalah perkara yang seharusnya dipertanggungjawabkan kepada yang ahli, bukanlah sembarangan sahaja" (Rawa, 1972).

Justeru berdasarkan beberapa artikel yang diterbitkan dalam *al-Islah* menjelaskan pemikiran yang dibawa oleh Yusof Rawa seorang yang berfikiran terbuka. Melalui tulisan beliau dapat dirumuskan bahawa segala ilmu kemajuan yang dibawa tidak kira sama ada datang dari tamadun Barat atau tamadun-tamadun asing yang lain, selagi ianya bermanfaat untuk kehidupan manusia, tidak salah untuk seiring dengan perkembangan tersebut. Dalam kitab suci al-Quran juga tidak pernah menolak perkembangan sains dan teknologi. Dalam al-Quran terdapatnya ayat yang bersifat maqru'ah dan manzurah yang menjelas dan membenarkan kewujudan ilmu sains. Ini dapat dibuktikan berdasarkan firman Allah dalam surah al-Imran ayat 190 dan 191:

Terjemahan: "*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka"* (al-Imran, 3:190-191).

### **Pemikiran Progresif**

Dalam memajukan diri dan masyarakat, pemikiran terbuka dan progresif amat diperlukan bagi meletakkan diri seiring dengan perkembangan teknologi. Namun, terdapat segelintir masyarakat yang sedang menuju ke arah sains dan teknologi, tanpa segan silu telah mencela dan mengkritik sekelompok masyarakat yang masih teguh berpegang kepada prinsip lapuk 'secupak tidak jadi segantang' sehingga ada yang memahami bahawa usaha yang diberikan akan menjadi sia-sia kerana sememangnya diketahui bahawa kita akan memperoleh hasilnya sekadar secupak. Keadaan ini "...maka kita terpengaruh menjadi malas, mundur dan ketinggalan..." (Rawa, 1973). Dalam persoalan ini, Yusof Rawa menyelar sikap sesetengah pihak yang sering memperleceh dan memperkecilkan pepatah tersebut yang dianggap tidak memberi sebarang makna yang tersurat pada zaman yang serba moden ini.

*"Padahal kata-kata itu sungguh berhikmah dari segi apa pun...bagaimana anda hendak tahu yang habuan anda secupak atau segantang, sekiranya anda duduk berpeluk tubuh tidak bergerak, berusaha mencari-carinya?. Tentulah mesti berusaha, bekerja, bertungkus lumus ke arah mendapatkannya...Kalau sudah pun berusaha bersungguh-sungguh, dan pada zahirnya anda mesti berhabuan segantang...tetapi malangnya oleh sesuatu sebab, lalu terdapat secupak sahaja, maka kata-kata hikmah itu menjadi satu penawar ajaib yang menyejukkan hati, menenangkan perasaan jiwa daripada menjadi seorang manusia yang kecewa atau frust..."*(Rawa, 1973)

Islam sendiri menyelar sikap orang yang malas. Islam menyarankan agar umat Islam menjadi umat yang rajin berusaha. Walaupun takdir telah ditentukan oleh Allah SWT, namun sebagai manusia yang bersyukur dan bertawakal maka diwajibkan kepada umat Islam untuk berusaha sebaik mungkin agar apa yang diperolehi mendapat keberkatan dan menjadi kepuasan kepada diri manusia. Apabila dilihat dalam konteks perniagaan, setiap umat manusia dikehendaki mengembangkan modal yang diperolehi agar memperoleh keuntungan berlipat kali ganda. Manusia yang berusaha akan memperoleh rezeki yang besar berbanding manusia yang malas berusaha seterusnya menjerumuskan kepada kehinaan.

Ini terbukti, Yusof Rawa sendiri merupakan salah seorang ahli perniagaan. Beliau berkecimpung dalam dunia perniagaan dengan mengusahakan syarikat percetakan yang diwarisi dari bapanya. Selain itu, atas sikap rajin dan semangatnya untuk mengubah nasib masyarakat Islam, *al-Islah* mampu bertahan selama lima tahun dan sambutannya amat menggalakan kerana para penulis yang menyumbang artikel tersebut tidak dibayar upah.

Manakala dalam artikel "Ittaqullah", Yusof Rawa terpenggil untuk menjawab permasalahan alim ulama yang dikatakan 'tidak pandai' menggunakan metod dakwah dalam menegur masyarakatnya. Tuduhan-

tuduhan seperti alim ulama tidak bersikap tegas, dilabel sebagai penyebab kemunduran, tidak lagi bersopan, kolot dan tidak mengikut peredaran semasa. Terdapat juga dakwaan mengatakan bahawa apabila alim ulama memperdengarkan dalil-dalil al-Quran membayangkan neraka dan syurga di atas segala perbuatan, segelintir umat Islam tidak menyenangi dengan pernyataan tersebut yang seolah-olah sengaja menakut-menakutkan umat Islam dengan hukuman yang menanti.

Dalam kupasan artikel tersebut, beliau lebih bersikap terbuka dan menyatakan kehairanannya “...*mengapa selalu ditakut-takutkan manusia Islam?. Itu bertentangan dengan pandangan moden, bukankah itu akan menjadikan orang-orang Islam bersifat pasif non aktif*” (Rawa, 1970). Menurutnya lagi, tujuan pernyataan ini bukan berniat mencela atau memperkecilkan usaha-usaha mereka. Sebaliknya sebagai umat Islam, al-Islah juga tidak mahu menutup telinga sahaja kepada teguran-teguran atau kritikan yang membina dari bijak pandai terhadap alim ulama. Ini kerana setiap pihak adalah bebas untuk menyuarakan pendapat masing-masing yang difikirkan betul. Oleh itu, beliau memberikan teguran yang membina dalam merentangi kemodenan dunia.

“*Apa yang kita perlukan sekarang ialah sewaktu mengkritik diri atau terhadap mana-mana pihak, mestilah ada antara satu pihak dengan lainnya saling hormat-menghormati fikiran atau pendapat masing-masing pihak dan yang terutama sekali kritik atau teguran-teguran itu mestilah diasaskan atas satu ukuran atau pertimbangan. Dan barang sudah tentu bagi kita sebagai orang Islam, akidah Islamiahlah mesti kita jadikan neraca pertimbangan di dalam serba-serbi. Mudah-mudahan kerja Islah (reform) berjalan, bersefahaman antara intelektual dan ulama berdekatan*” (Rawa, 1970).

Berdasarkan artikel tersebut, beliau menegaskan berkaitan medium penyampaian dakwah di Malaysia yang dilihat agak keras dalam memberi teguran dan nasihat. Tamabah pula, umat Islam lebih terdedah kepada pemikiran konservatif yang tidak membenarkan berlakunya persoalan terhadap alim ulama. Keadaan ini mempengaruhi corak penyampaian dakwah Islamiyyah. Hasil pembelajaran dan pemerhatian beliau di Timur Tengah, ulama menggalakan perkembangan akal fikiran agar tidak berlakunya taklid buta. Perubahan zaman yang sering terdedah kepada perkembangan teknologi juga menjadikan metod dakwah semakin meluas. Ia bukan sahaja disampaikan dalam masjid atau surau secara terbuka, malah lebih dari itu boleh disalurkan melalui media massa seperti *youtube, facebook, instagram* dan pelbagai medium dakwah lagi.

### **Penghayatan Nilai-Nilai Islam**

Artikel bertajuk “Berpegang Teguhlah Dengan al-Quran”, menyatakan pendirian beliau mengenai dasar perundangan negara. Sebagai satu bangsa yang telah mencapai kemerdekaan, “...*yang mempunyai peribadi, kebudayaan dan adat istiadat sendiri bersendikan Quran dan hadis Nabi* (Rawa, 1970) seharusnya menjadikan Islam dan perundangan sebagai dasar dalam pembentukan negara Malaysia. Menurutnya kajian perlu dilakukan dengan “...*mengkaji semula segala undang-undang yang telah dan sedang kita laksanakan di negara kita ini...*” (Rawa, 1970) sejajar dengan makna kemerdekaan yang telah kita kecapai. Tambahnya, tidak mustahil pelaksanaan perundangan Islam itu dapat dijalankan kerana “... *di dalam perlembagaan tanah air kita sendiri, telah tercatat, ialah agama Islam sebagai agama negara..*” (Rawa, 1970) dan atas tersebut “...*wajarlah di masa ini kita menentukan satu-satu hukuman, maka al-Quran al-Karim, haruslah dijadikan sebagai sumber tempat kembali*” (Rawa, 1970).

Yusof Rawa yang merupakan seorang pemimpin politik pernah menyatakan mengenai pentingnya perundangan Islam diterapkan di dalam pentadbiran negara. Menurutnya walaupun terdapat segelintir masyarakat yang menolak perundangan Islam dilaksanakan dengan dasar alasan tidak tercatat di dalam buku perundangan yang sedia ada hasil rujukan perundangan Barat, namun keadaan ini tidak melemahkan hasratnya dalam memberikan pandangan dan buah fikiran.

Di dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, Yusof Rawa telah mengemukakan hujah-hujahnya mengenai kepentingan undang-undang Islam dilaksanakan dengan kadar yang segera. Beliau telah memberikan enam hujah mengenai pelaksanaan undang-undang ini (Pemerhati, 1971).

Pertama: perkataan kemerdekaan memberi maksud yang jelas bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan bebas, maka seharusnya kesan pengaruh penjajah yang tidak mendatangkan manfaat hendaklah dihapuskan. Kedua, langkah segera perlu dilakukan untuk menggubal undang-undang negara selaras dengan Perlembagaan Negara yang mengiktiraf bahawa Islam agama negara dan para pemimpin juga sering mengajak masyarakatnya kembali kepada ajaran Islam. Ketiga, perundangan negara masih tiada perubahan dan menurutnya amat hairan kerana kebanyakan undang-undang dan peraturan yang dibuat di United Kingdom (UK) masih digunapakai, sedangkan UK sendiri telah beberapa kali meminda perundangan mengikut peredaran semasa. Keempat, tidak perlu diragui kebenaran undang-undang Islam kerana ia dikanunkan oleh Allah SWT yang tidak akan berubah sepertimana undang-undang yang dicipta oleh manusia sentiasa berubah kerana tidak bersesuaian mengikut peredaran semasa. Kelima, latar masyarakat yang pelbagai tidak harus dijadikan alasan untuk tidak melaksanakan undang-undang Islam. Malahan menurut Yusof Rawa undang-undang sedia ada juga berasal dari luar yang akhirnya diterima oleh masyarakat secara terbuka. Beliau tidak melihat alasan mengapa undang-undang yang digubal dengan semangat dan disiplin kaedah Islamiah tidak dapat dibawa, dibahas dan diluluskan dengan suara mioriti dalam Dewan Rakyat untuk menjadi undang-undang yang dipatuhi oleh semua warganegara. Keenam, menyeru pihak kerajaan agar segera bertindak dengan menjadikan Islam sebagai sumber dalam perundangan Islam (Jalani, 2013).

Berdasarkan enam hujah yang dikemukakan oleh Tuan Haji Yusof Rawa, Jalani (2013) merumuskan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia bukanlah suatu hal yang mustahil untuk dilaksanakan. Ketika undang-undang Inggeris dibawa masuk ke Tanah Melayu, tidak timbul isu perkauman. Undang-undang tersebut bukan sahaja tidak memihak kepada bangsa Melayu, malah juga kepada Cina mahupun India namun ia masih diterima pakai oleh negara. Jadi tidak ada sebarang alasan untuk kita menolaknya dan memartabatkan semula kegemilangan Kesultanan Melayu yang terkenal dengan undang-undang Islam.

Oleh yang demikian, pemahaman mengenai Islam perlu diterapkan kepada jiwa Muslim. Masyarakat kini walaupun dilahirkan beridentitikan Islam, berlatarbelakangkan Islam, membawa kalimah syahadah namun belum tentu mereka benar-benar memahami Islam secara mendalam. Pengkaji menyatakan demikian kerana, walaupun Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk namun masih terdapat segelintir masyarakat Melayu yang menolak agar pelaksanaan undang-undang Islam tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Mereka tidak melihat undang-undang dan peraturan Islam yang hendak dilaksanakan itu sebagai pengajaran kepada masyarakatnya agar tidak mengulangi kesalahan yang telah dilakukan sebaliknya mereka beranggapan ia suatu yang amat kejam untuk dipraktikan. Pengkaji sendiri ketika mengajar pernah ditanya oleh pelajar-pelajar Cina yang bertanya mengenai hukum Islam. Pada mulanya mereka menganggap bahawa pelaksanaan hukun hudud seperti hukuman potong tangan, rejam dan hukum bunuh merupakan suatu perbuatan yang amat kejam untuk dilaksanakan. Namun setelah pengkaji jelaskan dan dengan adanya sesi soal jawab segala salah faham mengenainya dapat dirungkaikan. Mereka mula memahami mengapa perlunya sesuatu hukuman itu dilaksanakan sedemikian rupa. Akhirnya mereka akur dengan unsur pengajaran yang diselitkan agar masyarakatnya menjadi takut dan tidak mahu mengulangi kesalahan yang dilakukan oleh seseorang itu. Oleh itu, dialog-dialog peradaban, majlis-majlis ilmu dan sesi perjumpaan dengan masyarakat non-Muslim agar mereka sentiasa diberi pendedahan mengenai pentingnya perundangan Islam dengan menjadikan zaman Rasulullah sebagai role model penggerak undang-undang Islam.

Seterusnya Yusof Rawa juga menegur dalam kalangan pemimpin politik dengan menggesa ”...sejak dari pembesar-pembesarnya harus berpegang teguh kepada Allah SWT...” (Rawa, 1970) untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Pemimpin memainkan peranan yang besar dan perlu pemahaman yang jelas mengenai konsep khilafah dalam dasar kepimpinannya. Setiap pemimpin *bertanggungjawab* ”...menyeru kepada bakti dan menyeru berbuat kebaikan dan menjauhi dari melakukan kejahatan agar negara ini dan rakyatnya akan terselamat dari segala bala bencana. Kalau tidak tanggunglah padahnya!” (Rawa, 1970). Beliau juga turut menegaskan bahawa, pemimpin-pemimpin itu seharusnya menjadi teladan yang baik di dalam kelompok masyarakatnya agar tidak berlaku kerosakan yang lagi membatalkan.

---

*“Pemimpin-pemimpinlah yang mesti mengkoreksi atau memperbaiki akidah dan sikap mereka dahulu. Mereka hendaklah menjadikan diri mereka itu contoh tauladan orang yang beragama. Sesekali jangan jadi seperti ibu ketam mengajar anaknya berjalan lurus...”* (Rawa, 1973).

Melantik seorang pemimpin itu merupakan suatu tugas yang amat berat untuk dipikul. Orang yang melantik harus bertanggungjawab ke atas undiannya, manakala pemimpin yang telah diamanahkan untuk memimpin wajib menjalankan tanggungjawab tersebut dengan seadil-adilnya tanpa mengira kaum, bangsa dan warna kulit. Seorang pemimpin yang baik adalah pemimpin yang sentiasa menyeru kepada amar makruf nahi mungkar dan sentiasa menjadi tauladan yang baik kepada orang di bawah pimpinannya. Dalam hal ini juga, Yusof Rawa menegaskan bahawa sebagai pemimpin Islam, imej sebagai penganut agama Islam perlulah di bawa dalam apa jua situasi.

Dalam hal ini, penglibatan beliau dalam PAS memudahkan lagi penyebaran Islah itu dilaksanakan. Melalui parti tersebut, beliau sering melaungkan kata-kata nasihat dan teguran kepada para pemimpin agar berpegang teguh kepada Allah dan sentiasa melaksanakan keadilan terhadap pimpinan mereka. Sehingga kemunculan beliau dalam perjuangan PAS dikatakan menjadi perintis ke arah era kepimpinan ulama (Nasir & Razzaq, 2020). Dalam ucapan Dasar Mukhtamar Tahunan PAS, beliau menyentuh mengenai konsep keadilan yang perlu diterapkan dalam perjuangan PAS:

*“Kita tidak boleh menyempitkan keadilan Islam hanya untuk orang-orang Melayu. Sekiranya keadilan Islam, kebaikan Islam dan kesempurnaan Islam dikhususkan kepada segolongan manusia, bermakna kita telah menyimpang dari risalah Islam yang bersifat ‘alamiyyah (universal) sedangkan Islam diturunkan untuk menyelamatkan manusia seluruhnya tanpa mengira warna keturunan. Keadilan Islam adalah untuk semua, walaupun terhadap orang kafir yang bermusuhan dengan kita”* (Rawa, 1986).

Akibat kegilaan kepada kuasa, maka manusia sanggup mengenyahkan sifat keadilan kepada setiap manusia yang lain. Manusia akan cuba berlumba-lumba untuk mencari kesenangan hidup dengan jalan singkat. Penindasan, peperangan dan rasuah menjadi unsur perpecahan umat Islam. Semenjak dari awal lagi, soal keadilan sering menjadi persoalan utama di dalam kalangan masyarakat. Penafian hak-hak terhadap diri dan masyarakat menjadi faktor utama berlakunya ketidakadilan. Oleh itu, para pemimpin hendaklah berlaku adil di dalam urusan kepimpinannya. Rakyat pula wajib mentaati para pemimpin yang adil, Memahami makna pemimpin atau khilafah akan mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menjadikan diri pemimpin itu sebagai contoh tauladan yang baik.

### **Kesopanan dan Kesusilaan**

Beliau berpendapat bahawa hasil daripada perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi telah melonjakkan manusia ke peringkat yang belum pernah terjadi sehingga manusia berasa bangga dengan pencapaian yang diperolehi. Sesungguhnya beliau mengakui hakikat kemajuan yang dibawa oleh hasil pencapaian tersebut namun menurutnya, kita terlalu bebas diajar dalam mengenal tentang ilmu pengetahuan yang dikatakan suatu yang berhikmah sekali bagi memperoleh kebahagiaan, kebaikan dan kekayaan. Akhirnya ganjaran yang terpaksa diterima pada hari ini amat mengecewakan:

*“...dalam aspek kesejahteraan, keamanan dan kedamaian telah menjunam turun lalu membenam lesap entah ke mana, gantinya haru-hara, kepincangan hidup, keburukan akhlak, kemusnahan kesopanan, kekecewaan kemanusiaan mengambil tempat begitu hebat sekali, rupa-rupa kurang siuman meracuh-racuh tumbuh, di sana sini”*(Rawa, 1970).

Beliau menambah, masyarakat hari ini tidak ubah seperti masyarakat yang berada di atas rakit yang terapung-apung di tengah-tengah samudera raya, jika keadaan rakit tidak seimbang nescaya akan terbalik dan karam di lautan penuh noda:

*“Seolah-olah semua perkembangan ilmu pengetahuan ini, semata-mata buat memecut perkembangan haru-hara belaka, seolah-olah semua kemajuan teknologi ini, tertentu untuk melucut perkembangan keributan dan kekecewaan semata-mata. Kita seolah-olah terletak di atas rakit yang terapung-apung di tengah-tengah samudera raya...”* (Rawa, 1970) *“Satu manusia membunuh manusia yang lain, satu*

---

*kumpulan memusnahkan kumpulan yang lain, satu bangsa menghancurkan bangsa yang lain, berbunuh-bunuhan manusia maju ini, merompak, menyamun harta benda, merampas negeri negara. Alat-alat pembunuhan, penghancuran malah alat-alat semua itu tadi ialah hasil dari kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi juga” (Rawa, 1970).*

Seterusnya, beliau sedikit sebanyak memberikan penyelesaian kepada permasalahan ini. Menurutnya walaupun kita tidak dapat membendung bayangan kemerosotan seperti yang berlaku pada orang yang maju itu yang sudah bergelombang, namun sekiranya manusia kembali kepada Islam, semua permasalahan ini akan dapat dibendung. Islam mengutamakan kesederhanaan. Akhlak yang baik adalah bukti kesempurnaan manusia dalam memandu keseimbangan di antara peranan intelektual dan spiritual.

*“Pengajaran ilmu pengetahuan dan teknologi ialah pendidikan akal fikiran (intelektual) dan pengajaran [kesempurnaan akhlak yang mulia] pula ialah pendidikan jiwa (spiritual) yang tak melalaikan pendidikan akal fikiran dan pendidikan anggota badan”.... kita merasakan satu kesepian yang terlalu mengerunkan pada bidang kejiwaan (spiritual), bidang kesopanan dan kesusilaan..,” (Rawa, 1970).*

*“...di dalam mengejar kemajuan, hendaknya janganlah kita dipecut dengan hendak mendapatkan hasil kebendaan yang sebaik-baiknya. Tersilap jua kebanyakan kita yang mengertikan bahawa mencapai kemakmuran itu adalah dengan memiliki sebanyak-banyaknya harta kekayaan... dan itulah tujuan yang terakhir... Islam memandang manusia ini, sejahtera hidupnya terdiri daripada dua segi yang terpenting: Jasmani dan rohani, fizikal dan spiritual, menghendaki kedua bidang ini diberi perhatian yang sama berat untuk kebahagiaannya” (Rawa, 1973).*

Menurutnya, umat Islam yang inginkan kemajuan tidak seharusnya aliran fahaman asing sebagai acuan dalam mencari kesempurnaan kemodenan. Ini kerana, Islam adalah agama yang telah lengkap dalam menapaki pelbagai bidang pembangunan:

*“Umat Islam ini dalam menuju kemajuan dan kesempurnaannya tidaklah memerlukan aliran fahaman asing, kerana pada Islam lengkap pimpinan dan pertunjukannya tidak perlu menapaki setiap tapak yang dilangkahkan oleh orang-orang yang dikatakan sudah maju itu...” (Rawa, 1972).*

Berdasarkan kenyataan Yusof Rawa dalam artikel tersebut menjelaskan keadaan masyarakat Islam pada ketika itu begitu teruja dengan kemajuan yang dicapai oleh negara. Walaupun Islam tidak menghalang umatnya untuk menikmati kemajuan-kemajuan yang ada, namun tidak seharusnya berlaku peminggiran terhadap nilai-nilai akhlak yang baik dalam diri individu. Dalam pembentukan tamadun Islam sendiri meletakkan beberapa ciri umum yang menggambarkan sesuatu masyarakat itu telah berkembang maju. Antaranya mempunyai adab dan tatasusila yang baik dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama dalam sebarang urusan.

Ibn Khaldun mengaitkan kejatuhan sesebuah tamadun dengan pemerintah yang menerajui pucuk pimpinan sesebuah pemerintahan. Lebih khusus lagi, pemerintah yang mengabaikan agama sebagai asas pegangan akan menyumbang kepada keruntuhan sesebuah tamadun kerana agama adalah penyelamat (Abidin, 2009). Hal ini adalah akibat daripada masyarakatnya yang kemaruk dengan kemajuan dunia sehingga mengabaikan nilai-nilai spiritual. Sejarah kerajaan-kerajaan Islam telah membuktikan bahawa kehancuran wilayah umat Islam adalah akibat daripada meninggalkan agama Islam yang di dalamnya mengandungi pengajaran nilai-nilai moral dan akhlak yang baik dalam menjalankan urusan pentadbiran negara. Jsuteru itu, untuk mengembalikan kegemilangan ketamadunan Islam, umat Islam seharusnya kembali menghayati konsep spiritual dalam kehidupan bermasyarakat.

Secara kesimpulannya, isu-isu yang dibentang oleh Yusof Rawa dalam *al-Islah* menjelaskan bahawa beliau mempunyai semangat juang dalam menegur isu kemunduran dan kesilapan yang memerlukan kepada pembaikan dan pembaharuan dalam mengikut perkembangan semasa. Perubahan dunia yang berlaku dari semasa ke semasa mengkehendaki juga masyarakatnya berubah ke arah pemikiran yang lebih progresif dan mempunyai sikap berdaya saing dalam memajukan diri dan bangsa.



---

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa Yusof Rawa merupakan seorang ahli politik dan pejuang Islah yang disegani oleh kawan dan lawan. Hasil pembelajarannya di Timur Tengah dan pengamatan suasana masyarakat yang mundur menjadi faktor perjuangannya. Bermula dengan *al-Imam* yang dianggap sebagai ‘turning point’ dalam memberi nasihat dan teguran menjadikan beliau terpanggil untuk menjadikan *al-Islah* sebagai wakil sebuah penulisan karya pada tahun 1970-an. Melalui *al-Islah*, setiap permasalahan diberi jalan penyelesaian dengan mengenalpasti segala punca kerosakan, punca penyakit dan sebab kepada kemusnahan sesuatu permasalahan. Artikel-artikel yang diterbitkan menjadi saluran dalam memberi penyedaran kepada umat Islam terutamanya kepada orang Melayu yang agak ketinggalan di dalam pelbagai bidang pembangunan selain berusaha untuk mengubah mentaliti orang Melayu supaya lebih bersikap terbuka dan praktikal dalam kehidupan serta dalam masa yang sama berusaha untuk memahami pengertian Islam sebagai al-Din. *al-Islah* (1971) dalam terbitannya menyatakan usaha dan iktihar perlu dilakukan agar setiap punca dapat diselesaikan dengan sebaiknya.

“*Alam ini tidaklah terlalu sempit, sehingga terdorong kepada kebuntuan, jalan keluar tentu ada, kalau kita mencari petua, akan banyaklah kita mendapatinya, kalau kita meminta petua, banyaklah pula kita diberi*” (*al-Islah*, 1971).

## RUJUKAN

- \_\_\_\_\_ (1973). Dari Meja Pengarang. *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 1 & 2, Jil.4, 15 Februari/ 1 Mac 1973.
- Al-Ma`luf, Louis Nichola (1992). *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A`lam*, Beirut: Darul Mashriq.
- Abdullah, M. (2009). *Haji Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi. Khazanah Tafsir di Malaysia*. Pro Publishing Services.
- Abdullatif, W.A.R.W. & Yusof, K. (2004). Globalisasi dan Gerakan Islam: Kajian Kes Terhadap PAS dan ABIM. *JEBAT*, 31 (2004) 157-177.
- Abidin, A.Z. (2009). “Kajian Kemasyarakatan dan Ketamadunan menurut Perspektif Usuluddin: Tumpuan Analitis Terhadap Muqaddimah Ibn Khaldun. Ibn Khaldun Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari”. Baharudin, A. et.al. (ed.). Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- Ahmad, K. (1970). Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia!?. *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 11, Jil. 1, 15 Julai 1970 bersamaan 11 Jamadil Awal 1390.
- Ahmad, K.B. (2006). Asas-Asas Reformasi Pemikiran Dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 23-24, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Awang, J. (2006). “Sumbangan Lulusan al-Azhar Dalam Pembangunan Kesedaran Islam Di Malaysia”. Dalam Long, A.S. & Yaakob, Z. (ed.). *Budaya Dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bakar, M.A. (1987). *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bearman, P.J. (1993). *The Encyclopedia of Islam*. New Edition Vol. 2. Leiden: E. J. Brill.
- Fadzil, S. (2010). *Melayu Dan Persoalan Jati Diri: Memaknai Fenomena Keislaman Dalam Sejarah Bangsa. Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Melayu (PAIMM)*. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial pada 5 & 6 Oktober 2010.

- 
- Hamid, A.F.A. & Abdullah, N. (2009). Idea-Idea Reformis Era 70-an: Bacaan Awal Terhadap *Majalah al-Islah*. Kamaruzaman, A.F., Rozali, A.E. et.al., (ed.). *Prosiding Pengajian Arab dan Tamadun Islam* pada 29-30 Disember 2009.
- Hamid, A.F.A. & Jalani, H. (2011). Kemunduran Masyarakat Melayu: Pandangan *Majalah al-Islah*. *Jurnal Usuluddin*, 33(2011), pp. 32-48.
- Hamid, A.F.A. & Jalani, H. (2018). Haji Yusof Rawa dan Penerbitan *Majalah al-Islah* (1970-1974). *Jurnal Usuluddin*, 46 (2) 2018: 147-166.
- Jais, A.W. (2006). "Interaksi Malaysia-Mesir Dari Perspektif Tamadun" dalam Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob (ed.). *Budaya Dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalani, H. (2013). *Yusof Rawa dan Majalah al-Islah: kajian terhadap idea-idea pembaharuan*. Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Universiti Malaya.
- Jalani, H. (2019). *Majalah al-Islah dan Idea-Idea Pembaharuan*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ke Empat (2007). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mukmin, M.J. (2009). *Gerakan Islam Di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Munawwir, I. (1985). *Kebangkitan Islam Dan Tantangan-Tantangan Yang Dihadapi Dari Masa Ke Masa*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, h. 130-136.
- Nasir, B.M. & Razzaq, A. (2020). "Ketokohan dan Pemikiran Dakwah Tuan Haji Yusof Rawa (1922 - 2000) di Malaysia". *Wardah: Jurnal Dakwah dan Kemasyarakatan*, 21(1):1-17. doi:10.19109/wardah. v 21i1.5820
- Nasir, B.M. (2006). "Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Tuan Haji Yusof Rawa (1922-2000)". *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III Ketokohan Dan Pemikiran Ulama Melayu*. (pp. 136-137). UKM dan MAIN Pulau Pinang.
- New Sunday Times (1990). *Street of The Malay Traders*. September 19, 1990.
- Noor, F.A. (1999). *Ustaz Haji Yusuf bin Abdullah al-Rawa: Architect of the 'new PAS' of the 1980s*. <http://www.mail-archive.com/hizb@hizbi.net/msg11764.html>. 29 November 2010.
- Noor, F.M. (2001). *Yusuf Rawa Role-Model Bagi Pejuang Islam. Permata Dari Pulau Mutiara*. Warathah Haji Yusof Rawa Sdn. Bhd.
- Noordin, W.M.Z.M. (1991). "Reformasi Pendidikan Dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Isu Dan Cabaran". Dalam Mohd Idris Jauzi (ed.), *Reformasi Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nor, R.M. & Ghani, M.F. (2007). *Ulama Dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*. MHI Publication.
- Othman, F. (1991). "Islam Dan Pembangunan Masyarakat Malaysia. Islam Cabaran Dan Isu Semasa". Dalam Rahman, I.A. & Omar, M.N. (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Page, G.T., Thomas, J.B. & Marshall, A.R. (1977). *International Dictionary of Education*. London: K. Page.
- Pemerhati (1971). "Dari Meja Dewan Rakyat: Usul Penerapan Undang-Undang Islam Bergema Di Dewan Rakyat". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 5 & 6, Jil.4, 15 April/ 1 Mei 1973.
- Pengarang al-Islah (1970). "Anda Dan al-Islah". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 4, Jil. 1, 1 April 1970 bersamaan 24 Muharram 1390.
-

- 
- Pillai, M.G.G. (2000). "Haji Yusof Rawa (1921-2000) A Political Assessment". Dalam Kamarudin Jaffar (ed.). *Memperingati Yusof Rawa*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Ramli, M.H. (2000). "Allahyarham Haji Yusof Raw". Dalam Kamaruddin Jaafar (ed.). *Memperingati Yusof Rawa*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn Bhd.
- Rawa, M.Y. (2001). *Permata Dari Pulau Mutiara*. Selangor: Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd.
- Rawa, M.Y. (2001). *Permata Dari Pulau Mutiara*. Warathah Haji Yusof Rawa Sdn. Bhd. & Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
- Rawa, N. (2021). "Yusof Rawa, Lebuh Aceh, dan Penyebaran Ilmu". *Suara Nadi Penang Institute*. 23 April 2021. Program Kajian Sejarah dan Serantau Penang Institute.
- Rawa, Y. (1970). "Berpegang Teguhlah Dengan al-Quran". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 8, Jil. 1, 1 Jun 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Di Ambang Tahun Baru Hijriah 1390". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 2, Jil.1, 1 Mac 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Ittaqullah". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 5, Jil. 1, 15 April 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Kita Dan Kemekaran Masjid al-Aqsa". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 13, Jil.1, 15 Ogos 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Kita Dan Kesopanan Serta Kesusilaan". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 22, Jil. 1, 31 Disember 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Kita Dan Pendidikan – Pengajaran". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 12, Jil. 1, 1 Ogos 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Kita Dan Sains". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 11, Jil. 1, 15 Julai 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 1, Jil.1, 15 Februari 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Mengharapkan Hijriah 1390 Ini Dijadikan Tahun Berdakwah". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 4, Jil.1, 1 April 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriah 1390". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 3, Jil.1, 15 Mac 1970.
- Rawa, Y. (1970). "Ucapan Raja, Raja Ucapan!". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 9, Jil. 1, 15 Jun 1970.
- Rawa, Y. (1971). "Lotus Dan Konsep Kehidupan". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, Bil. 4, Jil. 2, 1 April 1971.
- Rawa, Y. (1971). "Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 11, Jil. 2, 15 Julai 1971.
- Rawa, Y. (1971). "Revolusi". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 1, Jil. 2, 15 Februari 1971.
- Rawa, Y. (1972). "Guru". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 17, Jil. 3, 5 Mei 1972.
- Rawa, Y. (1972). "Sepanjang Manakah Lagi...Kiranya?". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 9 & 10, Jil. 3, 15 Jun/1 Julai 1972.
- Rawa, Y. (1973). "Secupak Tidak Jadi Segantang". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Bil. 7 & 8, Jil.4, 15/1 Jun 1973.
-

- Rawa, Y. (1973). "Kesedaran Beragama". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 3 & 4, Jil. 4, 15 Mac/1 April 1973.
- Rawa, Y. (1973). "Kita Tidak Kesendirian". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 12 & 13, Jil. 4, 15 Julai, 1/15 Ogos 1973.
- Rawa, Y. (1973). "Secupak Tidak Jadi Segantang". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 7 & 8, Jil. 4, 15/1 Jun 1973.
- Rawa, Y. (1973). "Siapakah Yang Patut Memulakannya". *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press. Bil. 9 & 10, Jil. 4, 15 Jun/1 Julai 1973.
- Rawa, Y. (1986). *Teguhkan Jamaah Teruskan Jihad*. Ucapan Dasar Muktamar Tahunan Ke-32 Parti Islam SeMalaysia (PAS) pada 26 September 1986 di Dewan PAS Rusila Marang Terengganu.
- Sungib, S. (2010). *Tokoh-Tokoh Besar Gerakan Islam Dalam Sejarah*. Rijal Media.
- Sungib, S. (t.t.). *Biodata Lima Tokoh Perjuangan PAS*. Gombak: PAS Gombak & Penerangan PAS Gombak.
- Yatim, I.M. (2001). *Kebangkitan Islam Abad Ke 21 Renaissance Melayu*. Kuala Lumpur: Inter Perfection Sdn. Bhd.
- Yusof, M.R.M. (2004). *Perjuangan UMNO Ke Arah Memartabatkan Bangsa Dan Agama*. Darul Fikir Sdn. Bhd.